



## SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

### STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 23/2020

RUJUKAN : 14 APRIL 2020



**BANCI**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
**MALAYSIA 2020**  
DATA ANDA MASA DEPAN KITA  
7 JULAI 2020



[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)



[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan melangkah kepada fasa yang ketiga bermula 15 April 2020. Umumnya fasa ini akan menentukan keberhasilan langkah kawalan dari 2 fasa terdahulu setelah 28 hari Malaysia berada tempoh sekatan pergerakan dan pemberhentian sementara operasi beberapa sektor bukan kritikal. Menilai rangkuman ringkas kumulatif statistik utama perkembangan pandemik COVID-19, **jumlah kes positif** yang direkodkan pada **fasa kedua melebihi fasa sebelumnya** dengan pertambahan 128 kes jangkitan menjadikan **sebanyak 2,221 kes terkumpul berbanding 2093 kes**. **Kes aktif** (dalam rawatan) turut **mencatatkan peningkatan sebanyak 241 kes kepada 2,427 kes bagi fasa kedua ini**. Namun begitu disebalik angka yang agak merunsingkan ini, kemajuan harian bagi kes sembah yang memberangsangkan membuka ruang pengharapan berkenaan status semasa wabak ini. Perbandingan jumlah keseluruhan **kes sembah (discaj)** meningkat sebanyak **1,941 kes** dengan **kadar kes sembah mencatatkan sumbangan 49.7 peratus berbanding 19.4 peratus** pada penghujung fasa yang pertama. Pada 14 April 2020, secara kumulatif **kes sembah merekodkan 2,478 kes mengatasi jumlah kes aktif** dengan perbezaan 51 kes. Ini merupakan rekod pencapaian terbaru sepanjang penularan wabak ini di Malaysia. Pada masa yang sama, **peningkatan kes sembah harian** dilihat **melebihi kes jangkitan baru** dengan mencatatkan 202 kes pada hari terakhir fasa kedua.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan terdapat **170 kes positif** baharu menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan **sebanyak 4,987 kes**. **Kawasan Lembah Klang mendominasi** kes jangkitan positif dengan menyumbang **sebanyak 45.2 peratus**, Zon Selatan (22.0 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.3 peratus), Zon Pantai Timur (9.9 peratus) dan Zon Utara dengan 9.6 peratus. Di peringkat negeri, **peningkatan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di WP Kuala Lumpur dengan merekodkan 69 kes** iaitu meningkat 42 kes berbanding hari sebelumnya disusuli Selangor sebanyak 50 kes, Sarawak (15 kes), Pahang (11 kes) dan Johor (8 kes). Sementara itu, tiada penambahan kes positif direkodkan bagi negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, WP Putrajaya dan WP Labuan. Sejumlah **82 kes kematian** dicatatkan sehingga kini menerusi **pertambahan 5 kematian terbaru** seperti pada Jadual 1.

Di seluruh dunia, **kumulatif jangkitan COVID-19** meningkat kepada **1,925,981 kes** dengan **jumlah kematian 119,823 kes**. **Amerika Syarikat mendominasi** bilangan kes positif **sebanyak 582,594** disusuli Sepanyol dengan catatan 170,099 kes, Itali (159,516 kes), Perancis (137,877 kes) dan Jerman dengan 130,072 kes. Sementara

itu, United Kingdom mengatasi China melalui lebihan 6,268 kes menjadikan jumlah kes positif sebanyak 89,571 kes. **Kematian tertinggi** direkodkan oleh **Amerika Syarikat** iaitu **23,649 kes**, diikuti Itali yang mencatatkan sebanyak 20,465 kes, Sepanyol (17,756 kes) dan Perancis (14,986 kes). Statistik bagi kadar kematian pula menunjukkan **Itali kekal mencatatkan kadar yang tertinggi** dengan 12.83 peratus, Belgium (12.76 peratus), United Kingdom (12.67 peratus), Perancis (10.87 peratus), Belanda (10.61 peratus) dan Sepanyol (10.44 peratus). Di peringkat global kadar kematian dicatatkan pada 6.22 peratus manakala kes sembah meningkat kepada 458,767 (23.82 peratus) seperti pada jadual 2.

Persekitaran ekonomi global pastinya akan terjejas dengan situasi semasa ini. Menurut **International Monetary Fund (IMF)**, ekonomi dunia diramalkan akan kehilangan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 2.4 peratus pada 2020. Sementara itu, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah memberikan amaran bahawa penularan COVID-19 dan langkah drastik yang diambil untuk mengekang jangkitannya pada suku kedua 2020 sahaja, bakal melenyapkan 6.7 peratus jam bekerja di seluruh dunia iaitu bersamaan dengan 195 juta pekerja sepenuh masa. ILO menyatakan impak krisis COVID-19 kepada pekerjaan adalah meruncing dan luar biasa apabila lebih dari 1 bilion pekerja berisiko tinggi untuk diberhentikan atau dipotong bayaran gaji & upah. Menurut kajian ILO, perintah berkurung yang dikuatkuasakan bagi mengekang penularan wabak ini telah menjelaskan hampir 2.7 bilion pekerja dengan 1.25 bilion (38 peratus tenaga kerja global) adalah Golongan Terdedah (*vulnerable*) yang terdiri dari pekerja dalam sektor perhotelan, makanan, pembuatan dan peruncitan.

Kejutan ekonomi global berikutan perkembangan semasa penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Ini secara langsung akan memberikan reaksi kepada prospek pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2020. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Research dan beberapa sumber lain memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**Global:** G-20 dan G-7 sedang dalam proses rundingan berkenaan saranan IMF dan World Bank untuk menangguhkan sementara pembayaran semula hutang terutama hutang dari negara-negara termiskin. Pengarah Urusan World Bank, Axel van Trotsenvurg melihat kesediaan negara kumpulan-kumpulan tersebut bagi membantu negara termiskin sebagai langkah yang difahami dan tidak akan dipersoalkan. (Reuters)

**AS:** Kemelesetan ekonomi yang mendalam dan pakej perbelanjaan yang besar bagi menghadapi krisis COVID-19 akan meningkatkan defisit fiskal AS kepada hampir 4 kali ganda dari perancangan belanjawan. Dianggarkan defisit AS pada 2020 akan mencapai AS\$ 3.8 trillion iaitu 18.7 peratus dari output ekonomi negara tersebut. *Committee for a Responsible Budget* (CFRFB) turut mengunjurkan defisit fiskal sebanyak AS\$ 2.1 trillion pada 2021 dan secara purata sebanyak AS\$ 1.3 trillion defisit sehingga 2025. (Reuters)

**CHINA:** Kejatuhan dalam perdagangan luar negeri China dijangka berterusan sehingga suku kedua tahun 2020 akibat penurunan permintaan global yang terkesan oleh penularan wabak COVID-19. Eksport dan import China dijangka merosot lebih 10 peratus pada Mac 2020. Rakan dagangan China seperti AS dijangka menghentikan operasi untuk jangka masa berbulan-bulan sebelum permintaan dan sektor pembuatan kembali normal. (Bloomberg)

**INDIA:** Indeks Harga Pengguna (IHP) India perlakan pada Mac 2020. Menurut agensi rasmi statistik negara tersebut, kadar inflasi bertumbuh 5.9 peratus pada Mac 2020 berbanding 6.6 peratus pada bulan sebelumnya. Inflasi harga makanan bertumbuh lebih perlakan 8.7 peratus pada Mac berbanding 10.8 peratus pada Februari 2020. Bank Pusat India, mengunjurkan kadar inflasi bagi suku tahun berakhir Jun 2020 akan terus pelahan dengan pertumbuhan 4.8 peratus. (RTT)

**FILIPINA:** Filipina akan memperuntukan tambahan subsidi gaji berjumlah 51 bilion peso (AS\$ 1 bilion) kepada 3.4 juta pekerja dalam pertubuhan kecil. Kerajaan akan memberi keutamaan kepada pertubuhan yang telah mengemaskini maklumat pembayaran cukai dan sumbangan dana persaraan. Subsidi itu akan berjumlah 8,000 peso untuk setiap orang yang berkelayakan selama dua bulan. Sehingga kini, kerajaan pimpinan Duterte itu telah membelanjakan kira-kira 200 bilion peso bantuan tunai kepada pekerja berpendapatan rendah di kepulauan Luzon yang merangkumi separuh dari jumlah penduduk negara dan menyumbang 70 peratus daripada pengeluaran ekonomi. Daripada 1.6 juta pertubuhan kecil, 436 ribu diarahkan tutup, 1 juta beroperasi pada kadar yang sangat minima dan 117 ribu dibenarkan beroperasi secara atas talian sahaja. Selain itu, kerajaan Filipina juga sedang mengkaji cadangan memberikan jaminan kredit melalui pembiayaan bank. (Bloomberg).

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) **Industri runcit** dijangka menunjukkan **kadar pertumbuhan sebanyak -18.8 peratus dan -9.3 peratus** pada suku tahun pertama dan suku tahun kedua tahun 2020.
- 2) **Jualan kenderaan baru** dijangka mencatatkan **penguncupan yang lebih besar** sekitar **16.5 peratus pada tahun ini** disebabkan oleh jangkaan jualan kenderaan pada Mac dan April susut mendadak ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 28 April.
- 3) **Platform e-dagang Shopee** telah mengumumkan **Pakej Sokongan Penjual berjumlah RM15 juta untuk 70,000 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** yang terkesan dengan penggantungan operasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Inisiatif ini akan **membantu PKS dan perniagaan tempatan daripada pelbagai sektor termasuk barang runcit, segar, dan makanan dan minuman** melalui digitalisasi perniagaan kepada urusniaga atas talian.
- 4) **Tumbuhan berbunga** yang dianggarkan **bernilai hampir RM40 juta** telah dilupuskan sejak MCO dilaksanakan pada 18 Mac. Oleh kerana bunga dianggap produk bukan penting, semua aktiviti perdagangan yang berkaitan tidak dibenarkan. Dengan MCO kini dilanjutkan hingga 28 April, pihak persatuan **meramalkan kerugian melebihi RM50 juta menjelang akhir bulan ini**.
- 5) **Malaysia Airlines** akan **menyambung semula operasi penerbangan ke Sabah dan Sarawak** dengan **kekerapan sekali seminggu** bermula minggu ini melalui pengoperasian MASwings. Penerbangan kargo ke Sarawak dan Sabah juga terus **beroperasi dengan kekerapan tiga kali seminggu** dari Kuala Lumpur ke Kuching, Kota Kinabalu dan Labuan.
- 6) Malaysia sedang berusaha untuk mendapatkan **sumber pernafasan alternatif N95 dari China** selepas kerajaan Amerika Syarikat mengarahkan pengilang tidak mengeksportnya lagi. Malaysia sebelum ini menerima penghantaran alat pernafasan KN95 - setara China dengan penilaian NIOSH N95 AS - dari China dan akan cuba memesan lebih banyak untuk menampung import N95.
- 7) CGS-CIMB Research memaklumkan **sekurang-kurangnya 50% syarikat** di bawah FBM KLCI (termasuk bank) akan menyaksikan pemotongan pendapatan. Firma penyelidikan itu berkata ia telah menurunkan ramalan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) baru sebanyak dua mata peratusan **kepada -4.3% pada tahun 2020**. Selain itu, HLIB juga menurunkan

unjuran KDNK dengan dua mata peratusan kepada 4.0% dan MIDF Research meramalkan pertumbuhan kepada 1.0% daripada 2.7% sebelum ini.

- 8) Kenanga Research telah menurunkan ramalannya terhadap **pendapatan Petronas Dagangan pada tahun kewangan 2020 dan 2021** walaupun pasaran terlalu optimistik untuk melihat harga Petronas Dagangan **melambung tinggi pada RM21.24** pada hari Isnin.
- 9) **Bank Dunia** menyatakan Malaysia mempunyai **struktur dan pengurusan ekonomi makro yang mantap** di samping pelarasan dasar fiskal dan monetari yang utuh dalam menangani impak negatif penularan COVID-19. **Suntikan langsung fiskal tersebut telah melindungi isi rumah serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** dan kebolehpasaran dalam ekonomi negara.
- 10) **Pertumbuhan Ekonomi Asia Selatan** tahun ini diramalkan menjunam kepada **1.8 hingga 2.8 peratus**, berbanding unjuran **6.3 peratus sebelum pandemik**, dengan sekurang-kurang separuh daripada negara terbabit berdepan ‘kemelesetan teruk’.
- 11) **Kementerian Komunikasi dan Multimedia** akan memastikan lebih **banyak peluang pekerjaan dan kandungan kreatif** dapat dihasilkan melalui **Dana Kandungan Digital (DKD)**. Pelbagai usaha dilaksanakan bagi memastikan penggiat dan karyawan seni kreatif tempatan mampu menjana pendapatan dan kebajikan mereka dijaga.
- 12) **Industri peruncitan di Malaysia** dijangka mencatat **penurunan jualan 5.5 peratus pada tahun ini**, diheret turun oleh pertumbuhan yang negatif pada separuh pertama. Menurut firma penyelidikan runcit **Retail Group Malaysia (RGM)**, kali terakhir industri itu mencatat kadar pertumbuhan yang **negatif adalah pada 1998**, ketika tahun pertama berlakunya krisis kewangan dan ekonomi Asia, apabila ia menguncup 20 peratus.
- 13) **Kementerian Kewangan** telah menerima **permohonan** daripada **31,000 majikan** membabitkan **299,000 pekerja bagi inisiatif Subsidi Upah** di mana **98 peratus merupakan syarikat kecil** dengan jumlah pekerja 75 dan ke bawah dengan anggaran implikasi sebanyak RM307 juta. Bagi **Program Mengekalkan Pekerja** pula, sebanyak **6,900 permohonan** daripada majikan diterima melibatkan **47,000 pekerja** membabitkan **RM28.6 juta** daripada RM120 juta yang diperuntukkan kerajaan bagi membiayai RM600 sebulan untuk pekerja bercuti tanpa gaji.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets	<p><b>Full-year retail sales growth revised to -5.5%</b></p> <p>Malaysia's full-year retail sales growth forecast has been revised downwards to -5.5% in 2020 from 4.6% growth projected in December 2019 as Covid-19 and the Movement Control Order has dragged down retail growth in the first two quarters of 2020.</p> <p>First-quarter retail sales are expected to contract by 18.8% while second-quarter retail sales are expected to dip by 9.3%, said Retail Group Malaysia in its "Preliminary report on Malaysia retail industry during Covid-19 pandemic (April 2020)" released today.</p> <p>The last time Malaysia's full-year retail sales growth contracted was in 1998 during the first Asian financial crisis.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/fullyear-retail-sales-growth-revised-55-0">https://www.theedgemarkets.com/article/fullyear-retail-sales-growth-revised-55-0</a>
2.	The EDGE	<p><b>Downside to manufacturing expected in March – AmBank Research</b></p> <p>AmBank Group Research said industrial production (IP) in Malaysia in the second quarter 2020 is set to be worse, both in terms of exports and domestic demand.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/downside-manufacturing-expected-march-%E2%80%93-ambank-research">https://www.theedgemarkets.com/article/downside-manufacturing-expected-march-%E2%80%93-ambank-research</a>

		<p>AmBank Group chief economist and head of research Dr Anthony Dass said Malaysia's IP rose to a near 3-year high in February, benefitting from across-the-board increase in manufacturing, electricity and mining.</p> <p>He explained that the jump in manufacturing output was supported by the strong manufacturing sales which climbed by 7.0% in February from 2.6% in January.</p> <p>With the manufacturing sector having cut production in March in response to the Covid-19 pandemic, it should potentially be reflected in March's manufacturing output figure under the IP. More so with the global pandemic reducing demand and restricting operating capacities due to severely delayed deliveries of inputs, said Dass.</p>	
3.	<b>New Straits Times</b>	<p><b>Auto industry forced to slam brakes due to extended MCO</b></p> <p>New vehicles sales are expected to post a larger contraction of around 16.5 per cent this year in anticipation of a further extension of the Movement Control Order (MCO) beyond the current Phase 3 until April 28.</p> <p>Market observers also expect listed automotive companies' earnings to collectively drop more than half this year.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/business/2020/04/584174/auto-industry-forced-slam-brakes-due-extended-mco">https://www.nst.com.my/business/2020/04/584174/auto-industry-forced-slam-brakes-due-extended-mco</a>

	MIDF Research revised downward its total industry volume (TIV) forecast this year to 504,580 units from 581,367 units previously, assuming a base case of a Phase 4 of the MCO.	
--	---	--

**Penemuan penting & isu:**

1. Artikel 1 – Menurut Kumpulan Peruncit Malaysia (RGM), nilai jualan dalam industri peruncitan Malaysia dijangka menguncup sehingga 5.5 peratus bagi pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya. Jualan runcit pada suku pertama tahun ini dijangka menguncup sebanyak 18.8 peratus manakala jualan runcit suku kedua dijangka jatuh 9.3 peratus. Unjuran jualan runcit pada suku kedua itu dibuat mengambil kira pelaksanaan PKP selama empat minggu dalam bulan April serta jangkaan jualan yang lemah ketika Hari Raya.
2. Artikel 2 - AmBank Group Research mengatakan pengeluaran perindustrian (IP) di Malaysia pada suku kedua 2020 dijangka menjadi lebih buruk dari segi eksport dan permintaan domestik. Kesan daripada pandemik Covid-19, sektor pembuatan telah mengehadkan pengeluaran pada bulan Mac.
3. Artikel 3 – Jualan kenderaan baru dijangka mencatatkan penguncupan yang lebih besar sekitar 16.5 peratus pada tahun ini disebabkan oleh jangkaan jualan kenderaan pada Mac dan April susut mendadak ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 28 April.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Penularan Covid-19 dan pelaksanaan lanjutan PKP sehingga 28 April memberi kesan kepada prestasi industri perdagangan runcit bagi suku tahun pertama dan kedua tahun ini. Industri perdagangan runcit menyumbang sebanyak 8.1 peratus kepada KDNK Malaysia pada suku tahun keempat 2019. Kadar pertumbuhan nilai ditambah bagi sub-sektor runcit pada suku keempat 2019 adalah 7.2 peratus.
2. Permintaan yang lemah dan pengeluaran yang minima daripada sektor pembuatan akibat penularan Covid-19 memberi kesan kepada pertumbuhan sektor pembuatan dan secara keseluruhan kepada prestasi ekonomi negara. Sektor pembuatan merupakan salah satu sektor yang menyumbang ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak 22.3 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2019. Kadar pertumbuhan nilai ditambah pada suku tahun keempat 2019 adalah 3.0 peratus.
3. Kemerosotan penjualan kenderaan yang mendadak dijangka akan memberi impak terhadap perkembangan ekonomi negara. Penjualan kenderaan bermotor merupakan antara industri yang menyokong prestasi subsektor perdagangan borong dan runcit. Pada suku tahun keempat 2019,

<p>pertumbuhan prestasi subsektor perdagangan borong dan runcit disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh dalam segmen kenderaan bermotor sebanyak 4.3 peratus. Segmen tersebut menyumbang sebanyak 1.8 peratus kepada KDNK Malaysia.</p>			
<b>B.</b>	<b>Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>			
1.	<b>The Star</b>	<p><b>Sabah to export highland vegetables to KL</b></p> <p>Sabah is to export some 35 tonnes of highland vegetables to markets in Kuala Lumpur as the transportation issue from the Kundasang district has been sorted out.</p> <p>35 tonnes of cabbage from Kundasang, 3 tonnes of pomelos and 1 tonne of watermelons from Tawau would be reaching the Kuala Lumpur market.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/14/sabah-to-export-highland-vegetables-to-kl">https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/14/sabah-to-export-highland-vegetables-to-kl</a>
<b>B. Subsektor Pengangkutan &amp; Penyimpanan</b>			
2.	<b>BH Online</b>	<p><b>Malaysia Airlines sambung penerbangan ke Sabah, Sarawak</b></p> <p>Malaysia Airlines akan menyambung semula operasi penerbangan ke Sabah dan Sarawak dengan kekerapan sekali seminggu dari Kuala Lumpur ke Kuching, Miri dan Kota Kinabalu mulai minggu ini.</p> <p>Selain itu, anak syarikat MAS, MASwings pula akan menyambung semula operasi domestik dengan penerbangan di antara Miri dan Bintulu; Kuching dan Sibu; serta Sibu dan Bintulu.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/676913/malaysia-airlines-sambung-penerbangan-ke-sabah-sarawak">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/676913/malaysia-airlines-sambung-penerbangan-ke-sabah-sarawak</a>

	C. Subsektor Hartanah		
3.	PropertyGuru	<p><b>Covid-19 Pandemic Highlights Severity Of Struggling Office Market</b></p> <p>The Covid-19 pandemic has added pressure to the Klang Valley's office space oversupply woes. In fact, even before Covid-19, office space oversupply has been on the rise, exerting pressure on rent in the past several years.</p> <p>Based on Jones Lang Wootton study, showed that occupancy has been declining from 81% in 2015 to 74% in Q1 2020, while vacancies increased from 20.48 million sq ft to over 30 million sq ft.</p>	<a href="https://www.propertyguru.com.my/property-news/2020/4/187331/covid-19-pandemic-highlights-severity-of-struggling-office-market">https://www.propertyguru.com.my/property-news/2020/4/187331/covid-19-pandemic-highlights-severity-of-struggling-office-market</a>
<p><b>Penemuan penting &amp; isu:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerajaan Negeri Sabah akan membuat penghantaran sayuran dari Kundasang ke Kuala Lumpur bagi tujuan memaksimakan hasil petani tempatan.</li> <li>2. Malaysia Airlines akan menyambung semula operasi penerbangan ke Sabah dan Sarawak dengan kekerapan sekali seminggu bermula minggu ini. Melalui pengoperasian MASwings ini, pedalaman Sarawak dan Sabah juga akan terus berhubung. Penerbangan kargo ke Sarawak dan Sabah juga terus beroperasi dengan kekerapan tiga kali seminggu dari Kuala Lumpur ke Kuching, Kota Kinabalu dan Labuan.</li> <li>3. Wabak Covid-19 turut memberi tekanan kepada segmen pasaran ruangan pejabat terutamanya di Lembah Klang.</li> </ol>			
<p><b>Maklumbalas Bahagian:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Industri jualan borong dan runcit terhadap bunga, tumbuhan, biji benih &amp; baja dijangka menurun berikutan permintaan yang rendah sepanjang tempoh PKP.</li> <li>2. Pengoperasian semula penerbangan ke Sabah dan Sarawak dijangka dapat meningkatkan semula prestasi syarikat penerbangan yang mana telah dilaporkan mengalami kerugian besar sebelum ini.</li> <li>3. Bahagian akan meneliti pasaran hartanah terutama aktiviti penyewaan ruang pejabat dan komersial.</li> </ol>			

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p><b>India modifies rules for refined palm oil imports</b></p> <p>India on Monday said imports of refined palm oil could recommence after being restricted in January, although with conditions attached.</p> <p>The world's biggest importer of palm oil on Monday said in a statement that importers would need to furnish pre-purchase agreements and import the commodity within six months of receiving the licence, instead of 18 months previously.</p> <p>The change could increase imports of refined palm oil in coming months, said a Mumbai-based refiner.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/india-modifies-rules-for-refined-palm-oil-imports">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/india-modifies-rules-for-refined-palm-oil-imports</a>
2.	The Star	<p><b>Flower farmers down in the dumps</b></p> <p>Flowers that are often associated with love and affection have had little use during the movement control order (MCO) period, resulting in tonnes being thrown away.</p> <p>As of now, flowering plants estimated to be worth close to RM40mil have been disposed of since the MCO was implemented on March 18.</p> <p>As flowers are deemed non-essential products, all related trading activities were not</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/14/flower-farmers-down-in-the-dumps">https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/14/flower-farmers-down-in-the-dumps</a>

		<p>allowed, said Cameron Highlands Floriculturists Association president Lee Peng Fo.</p> <p>With the MCO now extended to April 28, the association has projected losses to be over RM50mil by the end of the month.</p> <p>“Malaysia is one of the major exporters of cut flowers worldwide, with a majority of floriculture products produced for export.</p>	
3.	<b>Malay Mail</b>	<p><b>Malaysia sourcing N95 alternatives after US blocks exports, says Dr Noor Hisham</b></p> <p>Malaysia is trying to source alternative N95 respirators from China after the United States government ordered the manufacturer not to export these any longer, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said today.</p> <p>He said Malaysia previously received a shipment of KN95 respirators — a Chinese equivalent of the US NIOSH N95 rating — from China and would try to order more of these to make up for the N95 imports.</p> <p>“Since the US have stopped exporting N95 masks we are now looking to China to get the KN95 masks to use in the future,” he said during his daily press conference.</p>	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/14/malaysia-sourcing-n95-alternatives-after-us-blocks-exports-dr-noor-hisham-s/1856628">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/14/malaysia-sourcing-n95-alternatives-after-us-blocks-exports-dr-noor-hisham-s/1856628</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Kerajaan India telah membenarkan import minyak sawit bertapis dengan syarat pengimport perlu membeli minyak sawit bertapis dalam tempoh 6 bulan setelah memperoleh lesen berbanding 18 bulan sebelum ini. India membeli 9 juta tan minyak sawit setahun dengan import utama daripada Indonesia dan Malaysia. Eksport minyak sawit Negara dijangka meningkat susulan pengumuman ini.
2. Tumbuhan berbunga yang dianggarkan bernilai hampir RM40 juta telah dilupuskan sejak MCO dilaksanakan pada 18 Mac. Oleh kerana bunga dianggap produk bukan penting, semua aktiviti perdagangan yang berkaitan tidak dibenarkan. Dengan MCO kini dilanjutkan hingga 28 April, pihak persatuan meramalkan kerugian melebihi RM50 juta menjelang akhir bulan ini.
3. Malaysia sedang berusaha untuk mendapatkan sumber pernafasan alternatif N95 dari China selepas kerajaan Amerika Syarikat mengarahkan pengilang tidak mengeksportnya lagi. Malaysia sebelum ini menerima penghantaran alat pernafasan KN95 - setara China dengan penilaian NIOSH N95 AS - dari China dan akan cuba memesan lebih banyak untuk menampung import N95.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Nilai import **minyak sawit** (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimpor minyak sawit bernilai RM185.0 juta, jatuh sebanyak RM19.9 juta atau 9.7% berbanding RM204.9 juta pada Februari 2019. Manakala, nilai eksport minyak sawit pada 2019 berjumlah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Februari 2020, eksport minyak sawit bernilai RM2.8 bilion, (meningkat RM331.1 juta atau 13.2% berbanding RM2.5 bilion pada Februari 2019).
2. Nilai import **bunga potong** (HS 0603) pada tahun 2019 ialah RM33.0 juta. Sumber utama import ialah dari China (RM16.4 juta, 49.7%), India (RM10.6 juta, 32.0%) dan Indonesia (RM 3.1 juta, 9.5%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimpor bunga potong bernilai RM4.3 juta, meningkat RM1.1 juta atau 32.7% daripada RM3.2 juta pada Februari 2019. Manakala, nilai eksport bunga potong pada tahun 2019 ialah RM468.4 juta. Malaysia mengeksport bunga potong ke Jepun (RM287.4 juta, 61.4%), Thailand (RM62.8 juta, 13.4%) dan Australia (RM48.7 juta, 10.4%). Pada bulan Februari 2020, eksport bunga potong bernilai RM31.3 juta, jatuh sebanyak RM3.6 juta atau 10.2% daripada RM34.9 juta pada Februari 2019.
3. Nilai import bagi **topeng muka** (HS Code 630790) pada tahun 2019 mencecah RM264.9 juta. Sumber import adalah China (RM198.5 juta, 74.9%). Nilai import bagi topeng muka pada bulan Februari 2020 bernilai

	<p>RM19.8 juta, meningkat RM10.6 juta atau 115.6% berbanding RM9.2 juta pada Februari 2019. Manakala nilai eksport pada 2019 pula mencecah RM88.3 juta. Negara destinasi eksport utama adalah Perancis (RM25.7 juta, 29.1%), Australia (RM15.7 juta, 17.8%) dan Singapura (RM8.5 juta, 9.7%). Nilai eksport pada bulan Februari 2020 mencecah RM26.6 juta, meningkat RM19.0 juta atau 250.8% berbanding RM7.6 juta pada Februari 2019.</p> <p>4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.</p>
--	---

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p><b>Third phase MCO contraction seen</b></p> <p>Brace for deeper economic contraction as the country heads into the third phase of the movement control order (MCO). Experts have once again revised their growth forecast for 2020 downwards, following the government's decision to extend the MCO by another two weeks until April 28.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/third-phase-mco-contraction-seen">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/third-phase-mco-contraction-seen</a>
2.	The Edge Markets	<p><b>CCC-ECRL donates medical supplies to locale along alignment</b></p> <p>East Coast Rail Link (ECRL) project contractor China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCC-ECRL) is donating medical supplies including more than 150,000 masks to state governments and local councils along the alignment.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/cccecrl-donates-medical-supplies-locale-along-alignment">https://www.theedgemarkets.com/article/cccecrl-donates-medical-supplies-locale-along-alignment</a>
3.	The Star	<p><b>K-One plans new project</b></p> <p>Electronic manufacturing services company K-One</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/k-one-plans-new-project">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/k-one-plans-new-project</a>

		Technology Bhd is planning to start to making medical ventilators.	<a href="#">one-plans-new-project</a>
4.	<b>The Star</b>	<b>H1 IPI seen to be sluggish</b>  MIDF Research expects the Industrial Production Index (IPI) in the first half of 2020 to remain sluggish amid Covid-19 fears and the global oil price collapse.	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/h1-ipi-seen-to-be-sluggish">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/h1-ipi-seen-to-be-sluggish</a>
5.	<b>The Edge</b>	<b>Declining factory production ahead</b>  The upward momentum is unlikely to be sustainable in the following month given the expected weak global demand coupled with factories closing temporarily, no thanks to the Covid-19 pandemic.	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/declining-factory-production-ahead">https://www.theedgemarkets.com/article/declining-factory-production-ahead</a>

Penemuan penting & isu:

1. CGS-CIMB Research memaklumkan sekurang-kurangnya 50% syarikat di bawah FBM KLCI (termasuk bank) akan menyaksikan pemotongan pendapatan. Firma penyelidikan itu berkata ia telah menurunkan ramalan keluaran dalam negara kasar (KDNK) baru sebanyak dua mata peratusan kepada -4.3% pada tahun 2020.
2. HLIB juga menurunkan unjuran KDNK dengan dua mata peratusan kepada 4%. MIDF Research meramalkan pertumbuhan kepada 1% daripada 2.7% sebelum ini.
3. Sektor yang paling tidak terjejas oleh sambungan MCO adalah telekomunikasi, utiliti, ladang, sarung tangan, dan industri makanan dan minuman.
4. K-One Technology bercadang untuk mengeluarkan produk *medical ventilators*.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kebanyakan penyelidik ekonomi membuat ramalan penurunan sekali lagi dalam KDNK akibat lanjutan PKP bagi Fasa 3. Bahagian akan membuat semakan semula ke atas unjuran dan penyenaraian industri yang terkesan akibat lanjutan PKP Fasa 3.
2. Pemantauan berterusan bagi pertubuhan-pertubuhan dan industri di dalam survei jangka pendek.
3. Bahagian akan memantau pertubuhan K-One Technology dan membuat semakan dalam rangka MSBR.

<p>4. Bahagian mengambil maklum dan tindakan mengunjurkan statistik pembuatan bagi bulan rujukan Mac 2020 dalam pelaksanaan.</p>			
<b>E.</b>	<b>Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>The Edge Market</b>	<p><b>M'sian glovemakers now more valuable than casino, airport operators</b></p> <p>Top Glove Corp Bhd, the world's largest glove manufacturer in terms of capacity, saw its market capitalisation (cap) hit a record high of RM17.09 billion yesterday, as its share price climbed 17 sen or 2.6% to settle at RM6.67.</p> <p>Top Glove's market cap is now more than two times the market cap of Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), which stood at RM7.33 billion based on its closing price of RM4.42 yesterday.</p> <p>The rubber glove industry is expected to benefit from stronger demand arising from the Covid-19 outbreak, and a weaker ringgit against the US dollar.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/glovemakers-now-more-valuable-casino-airport-operators">https://www.theedgemarkets.com/article/glovemakers-now-more-valuable-casino-airport-operators</a>
2.	<b>The Sun Daily</b>	<p><b>TA Global to temporarily close some hotels worldwide</b></p> <p>TA Global Bhd will be temporarily closing a number of its hotels worldwide such as Malaysia, Thailand, Australia and Canada, as a combined result of the Covid-19 pandemic and various restricted movement initiatives instated by governments in its respective operating markets. The temporary closure of the hotels is</p>	<a href="https://www.thesundaily.my/business/ta-global-to-temporarily-close-some-hotels-worldwide-YB2254166">https://www.thesundaily.my/business/ta-global-to-temporarily-close-some-hotels-worldwide-YB2254166</a>

		one of the measures to protect the health of guests and employees, support social distancing and control costs.	
4.	<b>The Star</b>	<p><b>Petronas Dagangan share price rebound too optimistic, says Kenanga</b></p> <p>Kenanga research has downgraded Petronas Dagangan Bhd as it is now overpriced and the market is yet to fully factor in the earnings risks.</p> <p>The research house said in a note that the market has been overly optimistic on Petronas Dagangan given its recent rebound from a five-year low as its earnings are expected to take a big hit from the ongoing movement control order (MCO) and worldwide lockdown. Petronas Dagangan's share price rebounded 21% to RM21.24 as at Monday's closing from a five-year low of RM17.50 on March 17.</p> <p>Meanwhile, Kenanga has slashed its forecast on Petronas Dagangan's FY20 earnings by 42% and its FY21 estimates by 12%. Kenanga is expecting a 15% decline in FY20 sales volume to 13.3 million litres, against a 4% growth assumption previously to 16.3 million litres on the basis that volume will normalise after a three-month hit for on-the-road traffic and a nine-month impact to air travel.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/petronas-dagangan-share-price-rebound-too-optimistic-says-kenanga">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/petronas-dagangan-share-price-rebound-too-optimistic-says-kenanga</a>

5.	The Star	<p><b>Axiata settles dues in Nepal Company plans to get injunction against more payouts</b></p> <p>After four years of disputes and courtroom battles, Axiata Group Bhd has finally settled all outstanding amounts pertaining to the capital gains tax (CGT) and interest in Nepal even though it paid “under protest and expressly without prejudice.”</p> <p>The final payment of US\$180mil and a further 990.3 million Nepalese rupees (RM35.3mil) in interest was paid on Sunday to Nepal’s Large Taxpayers Office (LTO) under the Inland Revenue Department. Ncell is the second largest telecoms service provider in Nepal. “Axiata is paying the final amount at a time when the coronavirus disease (Covid-19) pandemic is widespread and any monies paid to the government could help the Nepali economy. Axiata has been embroiled in a controversy over who should pay the CGT since it bought 80% of Ncell in April 2016 from TeliaSonera Norway Nepal for US\$1.365bil.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/axiata-settles-dues-in-nepalcompany-plans-to-get-injunction-against-more-payouts">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/14/axiata-settles-dues-in-nepalcompany-plans-to-get-injunction-against-more-payouts</a>
----	----------	--	---

#### Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Pengeluar sarung tangan terbesar dunia Top Glove Corporation Bhd merekodkan sebanyak RM17.09 bilion dalam pasaran modal semalam, manakala sahamnya meningkat 2.6% kepada RM6.67. Industri sarung tangan getah dilihat mendapat manfaat daripada permintaan yang lebih tinggi akibat wabak COVID-19, dan ringgit yang lebih lemah berbanding dolar AS.
2. Akhbar 2: Syarikat hartanah, TA Global Bhd menutup operasi bagi beberapa rangkaian hotelnya seperti di Malaysia, Thailand, Australia dan Kanada susulan penularan COVID-19 serta bagi mematuhi arahan PKP

hampir di seluruh dunia. Perkara ini adalah sebagai langkah menyokong saranan pencegahan pandemik tersebut dan pengawalan kos serta menjaga kebijakan para tetamu dan pekerjanya.

3. Akhbar 3: Kenanga Research telah menurunkan ramalannya terhadap pendapatan Petronas Dagangan pada tahun kewangan 2020 dan 2021 walaupun pasaran terlalu optimistik untuk melihat harga Petronas Dagangan melambung tinggi pada RM21.24 pada hari Isnin.
4. Akhbar 4: Axiata telah membayar CGT berjumlah US\$180 juta dan faedah 990.3 juta Nepalese rupees (RM35.3 juta) kepada Nepal pada masa penularan pandemik COVID-19 dan ini bakal membantu ekonomi Nepal.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1: Pengeluar sarung tangan terbesar dunia, Top Glove Corporation Bhd merekodkan sebanyak RM17.09 bilion dalam pasaran modal semalam, manakala sahamnya meningkat 2.6% kepada RM6.67 susulan permintaan yang meningkat akibat COVID-19. Perkara ini bakal mempengaruhi komponen Akaun Kewangan dan Akaun Semasa melalui Akaun Barang.
2. Akhbar 2: TA Global Bhd telah menutup operasi bagi beberapa rangkaian hotelnya seperti di Malaysia, Thailand, Australia dan Kanada akibat dari penularan pandemik ini dan penangguhan operasi 96% pesawat AirAsia akan mempengaruhi komponen Akaun Perkhidmatan melalui komponen Perjalanan dan Pengangkutan. Pada tahun 2019, *Inbound* dan *Outbound* Perjalanan masing-masing merekodkan RM82.1 bilion dan RM51.2 bilion. Manakala eksport Pengangkutan ialah RM21.6 bilion dan import RM47.4 bilion. Ia juga akan mempengaruhi penyusunan Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) dan Statistik Affiliate Malaysia di Luar Negeri (Outward FATS). Pada tahun 2019, DIA merekodkan aliran keluar bersih sebanyak RM23.3 bilion.
3. Akhbar 3: Penurunan hasil jualan syarikat minyak yang disebabkan kejatuhan permintaan terhadap petrol bakal menjelaskan Akaun Pendapatan Primer sekiranya Petronas Dagangan mencatatkan kerugian atau keuntungan yang menurun.
4. Akhbar 4: Pembayaran cukai kepada negara Nepal bakal mempengaruhi Akaun Pendapatan Sekunder. Pada 2019, Pendapatan Sekunder telah merekodkan defisit sebanyak RM21.4 bilion.

<b>F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Berita Harian</b>	<b>Malaysia ada kelebihan ekonomi</b>  Malaysia mempunyai kelebihan berbanding negara lain dalam mendepani impak negatif	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/677059/covid-19-malaysia-ada-kelebihan-ekonomi-bank-dunia">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/677059/covid-19-malaysia-ada-kelebihan-ekonomi-bank-dunia</a>

	<p>penularan COVID-19 yang mencetuskan kejutan ekonomi global, menurut Bank Dunia.</p> <p>Malaysia mempunyai struktur ekonomi yang pelbagai, rekod pengurusan ekonomi makro yang mantap, pasaran modal domestik yang mendalam, institusi kewangan yang utuh dan pengalaman lalu dalam menangani krisis.</p> <p>Pakej rangsangan RM260 bilion adalah besar (kira-kira 17 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK), tetapi lebih banyak bergantung kepada langkah bukan fiskal terutama penangguhan pembayaran balik pinjaman dan pengeluaran daripada caruman dana persaraan.</p> <p>Malaysia mempunyai ruang fiskal jika krisis COVID-19 bertambah buruk, dengan melihat tiga kemungkinan antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertama, terdapat pilihan untuk membuat penyesuaian yang lebih mendalam terhadap item perbelanjaan operasi semasa bagi menyediakan sumber tambahan untuk tindak balas krisis bidang yang diutamakan.</li> <li>• Kedua ialah pendapatan tambahan bukan cukai boleh ditingkatkan untuk membiayai perbelanjaan rangsangan tambahan seperti dividen tambahan daripada syarikat berkaitan</li> </ul>	
--	--	--

		<p>kerajaan (GLC) atau penjualan aset fizikal.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketiga ialah campur tangan Parlimen dapat menghapuskan sementara sekatan kepada paras dan penggunaan tadbir urus pengurusan hutang awam.</li> </ul>	
2.	<b>Bernama</b>	<p><b>1.17 juta permohonan i-Lestari KWSP melibatkan pengeluaran RM572 juta telah diluluskan</b></p> <p>Kerajaan telah meluluskan 1.17 juta permohonan i-Lestari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang melibatkan pengeluaran sebanyak RM572 juta bagi bulan Mei 2020, menurut Menteri Kewangan.</p> <p>Dianggarkan berjumlah RM40 bilion, rakyat Malaysia boleh mengeluarkan RM500 sebulan selama 12 bulan daripada Akaun 2 KWSP mereka bagi meringankan beban yang dihadapi.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1831823">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1831823</a>
3.	<b>The Star</b>	<p><b>Finance Minister: 90,000 e-hailing drivers to get RM500 aid on April 20</b></p> <p>90,000 full time e-hailing drivers will get their RM500 aid under the government's economic stimulus package on April 20.</p> <p>As of April 12, 25,000 taxi drivers or 86%, and 7,500 or 63% of tourist drivers had received their payments. As for</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/14/finance-minister-90000-e-hailing-drivers-to-get-rm500-aid-on-april-20">https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/14/finance-minister-90000-e-hailing-drivers-to-get-rm500-aid-on-april-20</a>

		<p>trishaw operators, all payments have been made.</p> <p>The aid was in addition to the one-off RM600 meant for trishaw operators including taxi and tourist drivers. 8.3 million applications were made of which 6.6 million were approved, totalling RM4.9bil in payments.</p>	
4.	<b>Bernama</b>	<p><b>70,000 SMEs to benefit from RM15 mln Shopee's seller support package</b></p> <p>E-commerce platform Shopee has announced a RM15 milion Seller Support Package for 70,000 small and medium enterprises (SMEs) that have been adversely impacted by the Movement Control Order (MCO).</p> <p>The initiative will aid local SMEs and businesses in various sectors, including retail, fresh produce, and food and beverage (F&amp;B) by driving digitalization of traditional businesses and bringing them online.</p> <p>This initiative targeted to benefit SMEs that are looking for new sales such as e-commerce but are unfamiliar with how to go about it, and a huge number of existing online sellers that have been struggling with increasing costs and significant revenue loss from low sales volumes,</p>	<a href="https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1831627">https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1831627</a>

	The Shopee Seller Support Package opens for application starting April 14 until May 31, 2020. The benefit includes subsidy on seller fee, seller sales support, digitalization package, all existing seller benefits, as well as free Shopee University courses.	
<b>Penemuan penting &amp; isu:</b>		
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bank Dunia menyatakan Malaysia mempunyai struktur dan pengurusan ekonomi makro yang mantap di samping pelarasan dasar fiskal dan monetari yang utuh dalam menangani impak negatif penularan COVID-19. Suntikan langsung fiskal tersebut telah melindungi isi rumah serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan keboleh pasaran dalam ekonomi negara.</li> <li>2. 90,000 pemandu e-hailing akan menerima bantuan sebanyak RM500 di bawah pakej rangsangan ekonomi bermula 20 April 2020. Sehingga 12 April 2020, 86% pemandu teksi (25,000 pemandu) dan 63% pemandu pelancong (7,500 orang) telah menerima bantuan tersebut. Bagi pengendali beca, semua pembayaran telah dilakukan. Sebanyak 6.6 juta permohonan telah diluluskan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM4.9 bilion.</li> <li>3. Platform e-dagang Shopee telah mengumumkan Pakej Sokongan Penjual berjumlah RM15 juta untuk 70,000 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terkesan dengan penggantungan operasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Inisiatif ini akan membantu PKS dan perniagaan tempatan daripada pelbagai sektor termasuk barang runcit, segar, dan makanan dan minuman melalui digitalisasi perniagaan kepada urusniaga atas talian.</li> </ol>		

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi bernilai RM260 bilion iaitu 17 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antaranya terdiri daripada langkah bukan fiskal iaitu pemberian moratorium terhadap pinjaman dan pengeluaran dana persaraan. Justeru, terdapat inisiatif fiskal dengan mengagihkan peruntukan kepada perbelanjaan isi rumah bagi memastikan kelangsungan kehidupan rakyat yang terjejas berikutan wabak ini.
2. Bantuan tunai kepada pemandu e-hailing termasuk pengendali beca, pemandu teksi dan pemandu pelancong dijangka dapat meringankan beban kewangan bagi pekerja yang terlibat dalam ekonomi gig dan digital. Pendapatan pemandu e-hailing terkesan akibat pandemik COVID-19

		<p>kerana orang ramai tidak dibenarkan keluar untuk menjalankan aktiviti di luar.</p> <p>3. Platform e-dagang memperkenalkan program khusus kepada PKS bagi menggalakkan urusniaga atas talian berbanding urusniaga secara konvesional. Inisiatif ini dijangka dapat dapat memberi manfaat kepada PKS yang bergelut dengan peningkatan kos dan kerugian hasil yang ketara daripada jumlah jualan yang rendah melalui subsidi yuran penjual, sokongan jualan, pakej digitalisasi serta kursus percuma.</p>	
<b>G.</b>	<b>Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Malaysia Kini</b>	<p><b>Kerajaan kuat kuasa skim harga maksimum PKP mulai esok</b></p> <p>Kerajaan akan menguatkuasakan Skim Harga Maksimum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 15 April sehingga 28 April 2020.</p> <p>Skim itu akan memastikan harga 12 barang keperluan harian dapat dikawal, seperti ayam, telur ayam, minyak masak, tepung gandum, tomato, kubis dan ikan kembung.</p> <p>Anggota penguatkuasa KPDNHEP membuat pemantauan dan pemeriksaan harian di 1,133 premis peniagaan, termasuk 844 peruncit, 260 pemborong dan 29 pengilang.</p>	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/520568">https://www.malaysiakini.com/news/520568</a>
2.	<b>Bernama</b>	<p><b>Tiada lambakan tembikai di Terengganu – Exco</b></p> <p>Petani di Terengganu tidak menghadapi masalah lambakan hasil tembikai dan masih mampu memperoleh pendapatan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang wabak COVID-19.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1831849">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1831849</a>

		<p>Harga yang ditawarkan pihak FAMA pada masa PKP ini masih mampu membawa pulangan yang baik meskipun pada harga lantai 80 sen sekilogram berbanding RM1.20 sekilogram sebelum ini.</p> <p>Petani hanya akan rugi sekiranya harga yang diambil adalah di bawah 40 sen sekilogram. Kerajaan negeri telah berusaha supaya hasil pertanian kita tidak disia-siakan meskipun petani tidak mendapat keuntungan besar seperti sebelum ini.</p>	
3.	Sinar Harian	<p><b>Isu keselamatan makanan perlu jadi keutamaan</b></p> <p>SEJAK beberapa tahun lalu, isu keselamatan makanan diperkatakan dalam kalangan banyak pihak terutama ahli akademik dan kerajaan. Ini kerana kebergantungan negara kepada bahan makanan yang diimport agak membimbangkan sedangkan usaha memastikan Malaysia tidak mengalami krisis makanan pada masa depan masih belum mencukupi. Bagi menteri-menteri yang bertanggungjawab terhadap sektor pertanian, isu keselamatan makanan hanyalah penyedap teks ucapan semata-mata.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/78798/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Isu-keselamatan-makanan-perlu-jadi-keutamaan">https://www.sinarharian.com.my/article/78798/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Isu-keselamatan-makanan-perlu-jadi-keutamaan</a>
<p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Skim Harga Maksimum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 15 April sehingga 28 April 2020 akan memastikan harga 12 barang keperluan harian dapat dikawal, seperti ayam, telur ayam, minyak masak, tepung gandum, tomato, kubis dan ikan kembung.</li> <li>2. Terengganu tidak menghadapi masalah lambakan hasil tembakai. Harga yang ditawarkan pihak FAMA pada masa PKP adalah pada harga lantai 80</li> </ol>			

sen sekilogram berbanding RM1.20 sekilogram sebelum ini. Petani akan mengalami kerugian sekiranya harga sekilogram di bawah RM0.40.

3. Tahun Lalu, rakyat Malaysia makan kira-kira 78 kilogram beras setahun, menyebabkan negara memerlukan tiga juta tan beras setahun bagi menampung permintaan. Bagaimanapun, pengeluaran beras negara pada ketika itu hanya kira-kira dua juta tan setahun mengakibatkan Malaysia banyak bergantung kepada beras import.
4. Vietnam menghentikan import beras mereka kepada Malaysia bagi membolehkan rakyat di negara itu mendapat bekalan ekoran penularan pandemik koronavirus (Covid-19).
5. Penganalisis tempatan meramalkan stok beras negara masih mampu bertahan dalam tempoh enam bulan lagi berdasarkan stok dan kemampuan pengeluaran beras tempatan.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil makluman kawalan harga bagi 12 barang keperluan harian sepanjang PKP Fasa 3 dijangka akan memberikan kesan kepada IHP April 2020 terutamanya bagi kumpulan 01- Makanan dan minuman bukan alkohol. Dengan pengenalan kawalan harga maksimum ini akan memberi tekanan yang rendah kepada inflasi.
2. Perubahan harga bagi tembikai dijangka akan memberikan kesan kepada IHP April 2020 bagi kumpulan 01- Makanan di Negeri Terengganu.
3. Sekiranya stok beras dan kemampuan pengeluaran beras tempatan tidak dapat bertahan, harga beras dijangka meningkat dan ia akan memberi kesan kepada IHP bagi tempoh enam bulan akan datang.

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Sinar Harian</b>	<p><b>Syarikat telco disaran beri akses internet tanpa had sepanjang PKP</b></p> <p>Syarikat telekomunikasi di Malaysia disarankan memberi akses perkhidmatan internet tanpa had sebagai inisiatif membantu kerajaan dan rakyat sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/78735/BERITA/Nasional/Syarikat-telco-disaran-beri-akses-internet-tanpa-had-sepanjang-PKP">https://www.sinarharian.com.my/article/78735/BERITA/Nasional/Syarikat-telco-disaran-beri-akses-internet-tanpa-had-sepanjang-PKP</a>
2.	<b>Berita Harian</b>	<b>COVID-19: Pandemik terus cengkam dunia</b>	<a href="https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/04/676441/co">https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/04/676441/co</a>

		Bank Dunia memberi amaran bahawa Asia Selatan sedang berdepan ancaman ekonomi terburuk dalam tempoh 40 tahun, sekali gus memberi risiko terhadap pencapaian usaha berdekad-dekad menangani masalah kemiskinan.	<a href="#">vid-19-pandemik-terus-cengkam-dunia</a>
3.	Harian Metro	<p><b>Politeknik Melaka hasilkan pelindung muka</b></p> <p>Politeknik Melaka (PMK) menghasilkan 20 unit pelindung muka menggunakan mesin pencetak tiga dimensi (3D) menerusi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di kampus terbabit.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566433/politeknik-melaka-hasilkan-pelindung-muka">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566433/politeknik-melaka-hasilkan-pelindung-muka</a>
4.	Harian Metro	<p><b>PKP lanjut hingga Jun jika rakyat degil</b></p> <p>Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kemungkinan besar akan diteruskan hingga melepassi Jun ini jika sikap rakyat yang masih berdegil dan menyebabkan kes jangkitan wabak Covid-19 bertambah.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566429/pkp-lanjut-hingga-jun-jika-rakyat-degil">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566429/pkp-lanjut-hingga-jun-jika-rakyat-degil</a>
5.	Berita Harian	<p><b>201 penduduk Simpang Renggam positif COVID-19</b></p> <p>Sebanyak 201 kes positif COVID-19 dengan tiga kematian direkodkan setakat ini di Simpang Renggam termasuk 55 kes positif dicatatkan sejak PKPD dikuatkuasakan di kawasan itu</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/6769/04/201-penduduk-simpang-renggam-positif-covid-19">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/6769/04/201-penduduk-simpang-renggam-positif-covid-19</a>
6.	Berita Harian	<b>PKPD sebahagian Sungai Lui ditamatkan, Simpang Renggam dilanjut</b>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677002/pkpd-sebahagian-">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677002/pkpd-sebahagian-</a>

		Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Batu 21 hingga Batu 23, Kampung Sungai Lui, Hulu Langat ditamatkan malam tadi manakala PKPD di Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid di Simpang Renggam, Kluang, Johor dilanjutkan lagi sehingga 28 April ini berikutan penambahan kes positif COVID-19 dalam kalangan penduduk.	<a href="#"><u>sungai-lui-ditamatkan-simpang-renggam-dilanjut</u></a>
7.	Astro Awani	<p><b>COVID-19: Lima lagi kematian, 170 kes baharu di Malaysia</b></p> <p>Malaysia mencatatkan lima lagi kes kematian melibatkan COVID-19 dengan 170 kes baharu telah dilaporkan setakat 14 April 2020 pukul 12:00 tengah hari.</p>	<a href="http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-lima-lagi-kematian-170-kes-baharu-di-malaysia-238315">http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-lima-lagi-kematian-170-kes-baharu-di-malaysia-238315</a>
8.	Berita Harian	<p><b>Kadar pengangguran Februari meningkat</b></p> <p>Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata kadar pengangguran pada Februari tahun ini meningkat kepada 3.3 peratus berbanding 3.2 peratus pada Januari 2020 dan bilangan penganggur seramai 525,200 orang, meningkat 2.6 peratus berbanding bulan sebelumnya.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/676989/kadar-pengangguran-februari-meningkat">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/676989/kadar-pengangguran-februari-meningkat</a>
<p><b>Penemuan penting &amp; isu:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketua Ahli Ekonomi Juwai IQI, Shan Saeed menjangkakan pertumbuhan KDNK dan penggunaan kukuh di negara ini akan kembali selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.</li> <li>2. Permintaan dan penggunaan data internet melonjak tinggi ekoran sebahagian besar aktiviti dan urusan kini berlaku dalam talian. Selain kekangan dihadapi pelajar miskin luar bandar, golongan penduduk berpendapatan rendah juga berdepan masalah dalam aspek mendapatkan informasi melibatkan PKP dan maklumat berkaitan bantuan rakyat melalui dalam talian.</li> </ol>			

3. Pertumbuhan Ekonomi Asia Selatan tahun ini diramalkan menjunam kepada 1.8 hingga 2.8 peratus, berbanding unjuran 6.3 peratus sebelum pandemik, dengan sekurang-kurang separuh daripada negara terbabit berdepan ‘kemelesetan teruk’.
4. Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PMK terbabit, Azamri Kandari berkata, sebanyak 20 unit pelindung muka yang sudah siap diserahkan ke Klinik Kesihatan Rembia. Menurutnya, projek berkenaan dikendalikan menerusi gabungan tiga pensyarah PMK sekali gus sumbangan membantu barisan hadapan KKM menghadapi pengurusan pandemik Covid-19 yang sedang melanda negara. Projek terbabit turut mendapat sumbangan tenaga dalam kalangan kakitangan PMK bagi merealisasikan penghasilannya.
5. Kemungkinan PKP diteruskan hingga melepas Jun. Sehubungan itu, peringatan kepada orang ramai supaya tidak lupa bahawa PKP tidak akan dilonggarkan. Tindakan tangkapan akan dipergiatkan lagi kepada mereka yang melanggar arahan PKP. PKP fasa ketiga akan bermula esok adalah waktu kritikal dalam usaha negara menghapuskan dan memutuskan rantaian Covid-19.
6. Berdasarkan ujian rapid test kit (RTK) 1,445 yang dijalankan terhadap penduduk di kawasan PKPD Simpang Renggam, sebanyak 55 kes telah dikesan positif dan menjadikan jumlah keseluruhan kawasan 201 kes positif Covi-19. PKPD di Simpang Renggam berada dalam keadaan terkawal dengan kadar pematuhan sehingga 98 peratus pada waktu siang, manakala malam pula mencatatkan pematuhan sebanyak 99 peratus.
7. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di, Kampung Sungai Lui, Hulu Langat ditamatkan malam tadi, kecuali bagi Maahad Tahfiz An-Nabawiyah dan sebuah rumah di Batu 23, Kampung Paya Lebar. Pelaksanaan PKPD di Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid di Simpang Renggam, Kluang, Johor dilanjutkan lagi sehingga 28 April ini berikut penambahan kes positif COVID-19 dalam kalangan penduduk.
8. Sehingga 14 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat 170 kes baru yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 4,987 kes. Oleh itu, setelah kes kumulatif ditolak dengan kes discaj dan kematian, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 2,427 kes.
9. Kerajaan meneliti permintaan daripada beberapa sektor untuk bidang SME beroperasi secara berperingkat berdasarkan garis panduan penjagaan kesihatan yang ditetapkan KKM. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME) menyumbang 38 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara bernilai RM521.7 bilion daripada jumlah keseluruhan KDNK negara yang bernilai RM1.36 trilion pada 2018.

**Maklum balas Bahagian:**

1. Bantuan yang diberikan oleh kerajaan seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN), dan Bantuan Sara Hidup (BSH) dapat meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk Malaysia. Hal ini membolehkan penduduk menggunakan wang bantuan yang diberikan untuk membeli barang keperluan. Jika aliran

tunai domestik kukuh dan usahawan tempatan mempunyai dana yang lebih, pelabur asing dijangka kembali dan terus melabur dalam pasaran tempatan

2. Maklumat capaian internet di tempat kediaman akan dikutip semasa opearsi Banci 2020. Maklumat ini akan digunakan sebagai input untuk mengenalpasti jumlah pengguna internet yang merangkumi semua lapisan masyarakat termasuk mereka yang berada di bandar dan luar bandar. Keperluan internet ini juga digunakan untuk berkomunikasi dan mendapatkan informasi, bahkan melaksanakan transaksi atas talian.
3. Maklumat pendapatan Isi Rumah akan dikutip semasa Banci 2020. Maklumat. Pendapatan isi rumah terbahagi kepada tiga kategori iaitu penengah bagi kumpulan terendah 40% (B40), kumpulan pertengahan 40% (M40) dan kumpulan tertinggi 20% (T20)
4. Selain daripada membantu barisan petugas kesihatan, pelindung muka juga dapat meningkat taraf kesihatan penduduk dengan cara mencegah daripada dijangkiti wabak penyakit Covid 19. Masalah taraf kesihatan juga akan memberi kesan kepada pembangunan sosial di negara ini. Beberapa soalan berkaitan hubungan sosial dan kesihatan keluarga telah dimasukkan di dalam Doal Selidik bagi Banci 2020. Soalan ini bertujuan untuk mengukur tahap kesihatan penduduk di Malaysia.
5. Sekiranya PKP dilanjutkan dalam tempoh masa yang lama maka pendapatan bagi setiap Isi Rumah akan memberi terjejas dan akan memberi kesan pada data yang akan dikutip semasa Banci 2020. Analisa data yang diperoleh kemungkinan akan menjadikan tahun 2020 kadar pendapatan isi rumah akan menjadi rendah .
6. Jumlah kes positif wabak Covid-19 berada dalam keadaan yang terkawal sejak PKPD diperkenalkan di kawasan Simpang Renggam. Hal ini dikaitkan dengan kadar peratusan pematuhan penduduk di kawasan pemantauan. Jumlah peningkatan kes aktif disebabkan Covid-19 juga menurun.
7. Pelanjutan tempoh penguatkuasaan PKPD di Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid di Simpang Renggam, Kluang, Johor sehingga 28 April ini dijangka akan dapat meningkatkan tahap kesihatan dan mengurangkan kes positif penduduk kawasan tersebut. Aktiviti ekonomi setempat tidak dapat bergerak aktif dan perubahan ini akan menjelaskan pendapatan penduduk yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan tersebut.
8. Bahagian sentiasa mengambil maklum dan memantau bilangan kematian disebabkan COVID-19. Analisa mengenai bilangan kematian serta ciri-ciri demografi seperti jantina, kumpulan umur dan negeri akan dijadikan input bagi penyediaan penerbitan Perangkaan kematian dan Sebab Kematian yang akan diterbitkan oleh Bahagian. Data yang diterbitkan seperti kadar kematian mengikut sebab kematian, negeri dan mengikut daerah pentadbiran.
9. Kadar pengangguran pada bulan Februari tahun ini meningkat kepada 3.3 peratus berbanding 3.2 peratus pada Januari 2020 dan bilangan penganggur

<p>seramai 525,200 orang, meningkat 2.6 peratus berbanding bulan sebelumnya. Kadar pengangguran pada Februari 2020 masih tidak dipengaruhi oleh kejutan dalaman yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 dan hanya akan memberi kesan kepada kadar pengangguran bermula Mac 2020. Soalan berkaitan pekerjaan telah di masukkan dalam Soal Selidik Banci 2020 bagi mengutip jumlah sebenar Penduduk yang bekerja dan Penduduk yang terjejas akibat COVID-19.</p>			
<b>I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)</b>			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Harian Metro</b>	<p><b>KKMM bantu karyawan seni tempatan</b></p> <p>Pelbagai usaha sedang dilaksanakan untuk memastikan penggiat dan karyawan seni kreatif tempatan mampu menjana pendapatan dan menjaga kebajikan mereka.</p> <p>KKMM akan memastikan lebih banyak peluang pekerjaan dan kandungan kreatif dapat dihasilkan melalui Dana Kandungan Digital (DKD) menerusi agensi-agensinya seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).</p> <p>MDEC telah melanjutkan tarikh permohonan DKD tahun ini kepada 15 Mei 2020.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566164/kkmm-bantu-karyawan-seni-tempatan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566164/kkmm-bantu-karyawan-seni-tempatan</a>
2.	<b>Harian Metro</b>	<p><b>PKP: Sarawak benarkan penyelenggaraan jalan, tapak binaan</b></p> <p>SARAWAK membenarkan kerja-kerja penting dan perlu dilakukan segera dalam sektor pembinaan untuk beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3. Kerja penting yang dimaksudkan ialah seperti penyelenggaraan jalan raya dan pembersihan tapak pembinaan.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566609/pkp-sarawak-benarkan-penyelenggaraan-jalan-tapak-binaan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566609/pkp-sarawak-benarkan-penyelenggaraan-jalan-tapak-binaan</a>

		<p>Kerja-kerja dalam sektor pembinaan itu hanya dibenarkan dilakukan dua kali seminggu dengan jumlah pekerja yang minimum. Turut dibenarkan beroperasi ialah kedai elektronik dan servis komputer bagi urusan perkhidmatan dan pembaikan sahaja, bukannya urusan jualan peralatan elektronik dan komputer.</p>	
3.	<b>Harian Metro</b>	<p><b>MBSP perkenal e-Bazar Ramadan bantu peniaga</b></p> <p>Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melancarkan portal e-Bazar Ramadan bagi membantu peniaga yang terjejas dengan penularan wabak Covid-19 menjana pendapatan sepanjang Ramadan ini.</p> <p>Portal ini akan mengumpulkan laman sesawang, laman sosial Facebook dan aplikasi WhatsApp di seluruh Seberang Perai dan menyediakan produk makanan atau bukan makanan seperti pakaian, kasut, barang runcit serta kuih-muih keperluan raya dalam bentuk e-katalog.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566583/mbsp-perkenal-e-bazar-ramadan-bantu-peniaga">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566583/mbsp-perkenal-e-bazar-ramadan-bantu-peniaga</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Kementerian Komunikasi dan Multimedia akan memastikan lebih banyak peluang pekerjaan dan kandungan kreatif dapat dihasilkan melalui Dana Kandungan Digital (DKD). Pelbagai usaha dilaksanakan bagi memastikan penggiat dan karyawan seni kreatif tempatan mampu menjana pendapatan dan kebajikan mereka dijaga.
2. Sarawak membenarkan penyelenggaraan jalan dan tapak binaan dibuat dua kali seminggu dengan jumlah pekerja yang minimum. Selain itu, kedai elektronik dan

<p>servis komputer dibenarkan beroperasi bagi urusan perkhidmatan dan pemberian sahaja.</p> <p>3. MBSP menyediakan portal e-Bazar Ramadan bagi membantu peniaga yang terjejas dengan penularan wabak Covid-19 menjana pendapatan sepanjang Ramadan ini.</p>
---

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Bilangan penduduk berkerja dijangka akan menurun sepanjang tempoh PKP terutama bagi pekerja yang terlibat di dalam sektor perkhidmatan iaitu pengangkutan penumpang udara, pengangkutan darat dan kesenian, hiburan & kreatif.
2. Gaji dan upah yang diterima oleh pekerja yang terlibat dalam aktiviti perdagangan runcit dijangka akan terjejas susulan daripada nilai jualan dalam aktiviti peruncitan yang dijangka susut pada tahun ini berbanding tahun lalu.
3. Sektor pembinaan dan perkhidmatan dibenarkan beroperasi di Sarawak dengan pekerja yang minimum khususnya berkaitan penyelenggaraan jalan dan tapak binaan serta kedai elektronik dan servis komputer sahaja.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Sarawak bantu petani, nelayan atasi lambakan hasil</b></p> <p>Kerajaan negeri memperuntukkan RM2.3 juta bagi membantu petani dan nelayan menyelesaikan lambakan hasil pertanian dan perikanan, sekali gus memastikan sumber pendapatan golongan itu tidak terjejas kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676826/sarawak-bantu-petani-nelayan-atasi-lambakan-hasil">https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676826/sarawak-bantu-petani-nelayan-atasi-lambakan-hasil</a>
2.	<b>The Star</b>	<p><b>Enough chicken and eggs</b></p> <p>Malaysians can be assured of ample supply of chicken and eggs throughout the movement control order (MCO) period.</p> <p>The supply of these items would not be affected even with the MCO being extended to April 28.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/14/enough-chicken-and-eggs">https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/14/enough-chicken-and-eggs</a>

3.	<b>The Edge Markets</b>	<b>Palm oil mill's licence suspended for causing river pollution in Tongod</b>  A palm oil mill has had its licence suspended for one month, after it was found to have caused pollution at a river in Tongod, Kinabatangan, last week	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/palm-oil-mills-licence-suspended-causing-river-pollution-tongod">https://www.theedgemarkets.com/article/palm-oil-mills-licence-suspended-causing-river-pollution-tongod</a>
4.	<b>Sinar Harian</b>	<b>Cadang pengedar, pemborong pertanian diberi permit khas</b>  Persatuan Pengguna Bumiputera Sarawak (PPBS) mencadangkan kerajaan memberi permit khas kepada pengedar dan pemborong hasil pertanian untuk bergerak membawa bekalan dan stok di Sarawak.	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566081/cadang-pengedar-pemborong-pertanian-diberi-permit-khas">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566081/cadang-pengedar-pemborong-pertanian-diberi-permit-khas</a>
5.	<b>Bernama</b>	<b>Pekebun kecil getah Sarawak disaran tuntut IPG – Uggah</b>  Jabatan Pertanian Sarawak menyeru pekebun kecil getah untuk memohon Insentif Pengeluaran Getah (IPG) yang diperkenalkan Lembaga Getah Malaysia (LGM) pada bulan lepas untuk membantu pekebun kecil di seluruh negara untuk mendapat harga yang lebih baik.	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1831466">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1831466</a>
6.	<b>Berita Harian</b>	<b>Pekerja pembersihan berdepan pelbagai kerena penduduk</b>  Jumlah sampah meningkat tiga kali ganda dan pekerja pembersihan pihak berkuasa tempatan (PBT) berdepan pelbagai kerena segelintir isi rumah sejak PKP.	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676891/pekerja-pembersihan-berdepan-pelbagai-kerena-penduduk">https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676891/pekerja-pembersihan-berdepan-pelbagai-kerena-penduduk</a>

7.	<b>Berita Harian</b>	<b>Pusat Beruang Madu tetap tabah walaupun ditutup kepada awam</b>  Pusat Pemuliharaan Beruang Madu Borneo (BSBCC) menggunakan dana simpanan untuk membiayai 43 ekor beruang madu diancam kepupusan	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676891/pekerja-pembersihan-berdepan-pelbagai-kerenah-penduduk">https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676891/pekerja-pembersihan-berdepan-pelbagai-kerenah-penduduk</a>
----	----------------------	---	---

**Penemuan penting & isu:**

1. Merujuk kepada Menteri Muda Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Datuk Dr Abdul Rahman Ismail:
  - i. Di bawah program ini, Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED), dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak), 28 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membeli lambakan hasil ladang yang tidak dapat dijual secara borong.
  - ii. Ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan rantai bekalan makanan di Sarawak. PPK memainkan peranan proaktif sebagai pemborong dalam mengimbangi pasaran bekalan dan permintaan di antara bahagian.
  - iii. Setakat 11 April lalu, sejumlah 39 tan hasil pertanian merangkumi buah-buahan dan sayur-sayuran dedaun dibeli dari lebih 30 petani dengan nilai mencecah RM90,000.
  - iv. Bagi nelayan pula, Kerajaan Sarawak melalui MANRED, dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), memperuntukkan sejumlah RM600,000 untuk melaksanakan program pembelian hasil tangkapan ikan.
  - v. PNK akan memainkan peranan sebagai pemborong dan terbabit dalam aktiviti pemasaran melalui penghantaran pesanan barang dari dalam talian dan penjualan secara borong menggunakan lori bergerak.
  - vi. Setakat 12 April lalu, sejumlah 485 kilogram hasil tangkapan bernilai RM6,300 dibeli dari lima PNK di Sarawak.
2. Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia (FLFAM) president Tan Chee Hee said:
  - i. In fact, the ex-farm (producers) prices of chicken have seen a drop of between 30% and 40% due to lower demand.
  - ii. That slaughterhouses were operating at an increased capacity as the sale of live birds had stopped during the restriction period following the temporary closure of some wet markets.
  - iii. More chickens are being slaughtered and kept frozen as a stockpile. He also called on chicken sellers to lower their prices accordingly.

- iv. As for eggs, the ex-farm prices and supply were both stable. Consumers should be aware that there were sufficient supplies in the market.
3. Environment and Water Deputy Minister Senator Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad said a team from the Sabah Department of Environment (DoE) conducted investigations on the pollution at the river on April 8 and April 9, after receiving a complaint from the Sabah Water Department on the issue which went viral on social media. The Sabah DoE has directed the factory's operator to immediately initiate clean-up works along the stream and its drainage system, while an investigation paper has been opened against the operator for action to be taken in court.
4. PPBS mencadangkan FAMA di setiap bahagian di Sarawak dijadikan sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian sebelum di bawa ke Kuching atau bandar lain. Perkara ini adalah bertujuan untuk membendung kenaikan harga barang
- i. Pemantauan PPBS di beberapa pusat penjaja Kubah Ria di Kuching mendapati harga beberapa barang melebihi harga siling yang ditetapkan. Antaranya ialah
    - Cili merah tempatan dijual antara RM20 hingga RM24 sekilogram,
    - Bawang merah (kecil) India (RM8 - RM10 sekilogram)
    - Sawi bunga (RM4 - RM6 sekilogram)
    - Ayam ekor (RM8.50 - RM9.50 sekilogram)
    - Ikan kembung sejuk beku (RM10- RM15 sekilogram)
  - ii. Peniaga menerima bekalan dengan harga yang berbeza-beza setiap hari bergantung kepada stok bekalan yang berjaya dibawa masuk ke Kuching.
  - iii. Sekatan pergerakan 10 kilometer dari kediaman menyebabkan pengedaran bekalan sayur dari luar Kuching amat terhad.
5. Insentif Pengeluaran Getah (IPG) yang diperkenalkan Lembaga Getah Malaysia (LGM) pada bulan lepas adalah insentif menarik:
- i. LGM akan membayar RM1.40 sen sekilogram bagi getah sekerap cawan (100 peratus kandungan getah kering) dan RM0.90 sekilogram bagi lateks.
  - ii. LGM akan membayar RM1.40 sen sekilogram bagi kepingan getah (100 peratus kandungan getah kering). Kerajaan negeri akan membayar tambahan 50 sen bagi getah sekerap dan kepingan getah.
  - iii. Pekebun kecil yang ingin membuat permohonan insentif ini haruslah mempunyai Permit Autoriti Transaksi Getah seperti yang disyaratkan LGM. Permit boleh diperolehi secara percuma di semua pejabat pertanian di negeri.
  - iv. Pembayaran akan dibuat secara terus kepada akaun bank pekebun kecil seperti yang tertera pada borang tuntutan mulai 1 hingga 30 April.
6. Peningkatan jumlah sampah ketika PKP menyebabkan lori sampah perlu berulang alik sehingga empat kali berbanding dua kali pada hari biasa. Disamping itu terdapat beberapa situasi yang dihadapai oleh pekerja lori sampah sepanjang PKP

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berdepan dengan sikap segelintir penghuni yang meletakkan kenderaan sehingga menghalang laluan lori</li> <li>ii. Meletakkan plastik sampah di luar rumah yang menyebabkan sampah itu bertaburan di tepi jalan setelah di robek oleh binatang.</li> <li>iii. Membuang sampah tidak sepatutnya ke dalam tong roro seperti perabot rosak, dahan pokok atau bahan buangan binaan.</li> </ul> <p>7. Sejak PKP dikuatkuasakan menyebabkan Pusat Pemuliharaan Beruang Madu Borneo (BSBCC) tiada pilihan selain menutup pintu kepada kunjungan orang ramai yang membayar untuk masuk, satu daripada penyumbang utama pendapatannya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pusat membelanjakan RM100,000 hingga RM120,000 sebulan bagi operasinya, termasuk gaji untuk 30 warga kerja sepenuh masanya dan makanan bernilai RM20,000 untuk beruang madu berkenaan.</li> <li>ii. Beruang madu memainkan peranan penting dalam ekosistem hutan dengan bertindak sebagai penyebar benih disebabkan sikap yang gemarkan buah-buahan</li> <li>iii. Senarai merah spesies terancam Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam dan Sumber Asli (IUCN), beruang madu diancam kepupusan, tetapi masih boleh dijumpai di timur India, Bangladesh, Myanmar, Thailand, Kemboja, Laos, Vietnam, Malaysia dan Indonesia</li> </ul> |
|--|

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi ternakan terpilih diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) secara tahunan. Penerbitan ini meliputi 10 item sayur-sayuran dan lima item perikanan terpilih.
2. Penerbitan SUA turut meliputi item ternakan. Pada 2018, SSR bagi daging ayam/itik 98.1% dan PCC adalah 51.0 kg/tahun. Manakala bagi telur ayam/itik pula SSR pada 2018 adalah 114.6% dan PCC 22.8 kg/tahun. Indikator SSR dan PCC ini juga menjadi rujukan kepada pengeluar utama ayam dan telur.
3. BPPAS mengambil maklum senarai pekebun kecil dan penoreh getah di Sabah. Perkara ini sedang dalam semakan BPPAS memandangkan satu jawatankuasa bagi pekebun kecil telah ditubuhkan bagi melihat jumlah sebenar pekebun kecil di Malaysia.

<b>K. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1	<b>Berita Harian</b>	<b>3,000 syarikat dilulus terima bantuan perniagaan</b>  Kerajaan telah meluluskan hampir 3,000 perniagaan untuk menerima Kemudahan Bantuan	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/67703/5/3000-syarikat-dilulus-terima-bantuan-kemudahan-pada-wabak-covid-19">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/67703/5/3000-syarikat-dilulus-terima-bantuan-kemudahan-pada-wabak-covid-19</a>

		<p>Khas (SRF) sehingga 12 April bagi menyokong perniagaan berhadapan situasi sukar disebabkan COVID-19.</p> <p>Kementerian Kewangan telah menerima permohonan daripada 31,000 majikan membabitkan 299,000 pekerja bagi inisiatif Subsidi Upah. Sebanyak 98 peratus adalah syarikat kecil dengan jumlah pekerja 75 dan ke bawah dengan anggaran implikasi sebanyak RM307 juta.</p> <p>Bagi Program Mengelakkan Pekerja pula, sebanyak 6,900 permohonan daripada majikan diterima untuk 47,000 pekerja membabitkan RM28.6 juta daripada RM120 juta yang diperuntukkan kerajaan untuk membiayai RM600 sebulan bagi pekerja yang cuti tanpa gaji.</p>	<a href="#"><u>bantuan-perniagaan</u></a>
2	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Santan buka peluang pekerja AirAsia jadi penghantar makanan</b></p> <p>Syarikat makanan dan minuman (F&amp;B), Santan iaitu jenama menu penerbangan AirAsia membuka peluang kepada pekerja syarikat penerbangan itu yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk menjadi penghantar makanan yang dihasilkan syarikatnya.</p> <p>Setakat ini lebih 50 Allstars (kakitangan AirAsia) yang terdiri daripada kru penerbangan, juruterbang, ejen</p>	<a href="https://www.bharan.com.my/bisnes/korporat/2020/04/679935/santan-buka-peluang-pekerja-airasia-jadi-penghantar-makanan"><u>https://www.bharan.com.my/bisnes/korporat/2020/04/679935/santan-buka-peluang-pekerja-airasia-jadi-penghantar-makanan</u></a>

		<p>perkhidmatan darat serta mereka yang bekerja secara harian telah merebut peluang berkenaan dalam tempoh yang tidak dijangka ini.</p> <p>Pada masa ini, 70 peratus daripada perniagaan Santan adalah membabitkan perkhidmatan penghantaran, manakala selebihnya untuk bawa pulang.</p>	
3	Berita Harian	<p><b>TH kecualikan sewa dua bulan kepada PKS terjejas</b></p> <p>Lembaga Tabung Haji (TH) akan melaksanakan inisiatif pengecualian bayaran sewa selama dua bulan kepada peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas.</p> <p>Pengecualian bayaran sewa ini diberikan kepada kira-kira 170 PKS yang menyewa di 60 premis bangunan milik TH di seluruh negara.</p> <p>Perniagaan dan penyewa yang diberikan pengecualian bayaran sewa adalah seperti kedai menjual pakaian, elektrik dan elektronik, syarikat konsultasi, telekomunikasi, ejen pelancongan, perniagaan runcit, percetakan dan syarikat penyelenggaraan dan pembaikan.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/677068/th-kecualikan-sewa-dua-bulan-kepada-pks-terjejas">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/677068/th-kecualikan-sewa-dua-bulan-kepada-pks-terjejas</a>
4	The Edge Market	<p><b>Risk to workers' and public health still too high, says MTUC</b></p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/risk-workers-and-public-health-still-too-high-says-mtuc">https://www.theedgemarkets.com/article/risk-workers-and-public-health-still-too-high-says-mtuc</a>

	<p>Malaysian Trades Union Congress (MTUC) stated that it would be a mistake at this time to press for non-essential businesses to open although the Movement Control Order (MCO) to contain the Covid-19 pandemic has badly impacted the economy and affected workers.</p> <p>The danger of opening more shops and stores is simply far too great, given what is known about the highly infectious disease. MTUC is worried about attempts by certain government leaders and employers to shift the Covid-19 narrative from the aspect of public health risks to reopening the economy.</p> <p>The move to extend MCO until 28 April 2020 is needed to ensure the containment of Covid-19 remains the foremost priority, even though the MCO has wreaked havoc on the economy and livelihood of workers.</p> <p>MTUC was happy that the Prime Minister has now disallowed hair salons, barber shops and optical shops from opening during MCO.</p>	
--	--	--

#### Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan telah meluluskan hampir 3,000 perniagaan untuk menerima Kemudahan Bantuan Khas (SRF) sehingga 12 April bagi menyokong perniagaan berhadapan situasi sukar disebabkan COVID-19. Kementerian Kewangan telah menerima permohonan daripada 31,000 majikan membabitkan 299,000 pekerja bagi inisiatif Subsidi Upah di mana 98 peratus merupakan syarikat kecil dengan jumlah pekerja 75 dan ke bawah dengan anggaran implikasi sebanyak RM307 juta. Bagi Program

Mengekalkan Pekerja pula, sebanyak 6,900 permohonan daripada majikan diterima melibatkan 47,000 pekerja membabitkan RM28.6 juta daripada RM120 juta yang diperuntukkan kerajaan bagi membiayai RM600 sebulan untuk pekerja bercuti tanpa gaji.

2. Syarikat makanan dan minuman (F&B), Santan iaitu jenama menu penerbangan AirAsia membuka peluang kepada pekerja syarikat penerbangan itu yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk menjadi penghantar makanan yang dihasilkan syarikatnya. Setakat ini lebih 50 Allstars (kakitangan AirAsia) yang terdiri daripada kru penerbangan, juruterbang, ejen perkhidmatan darat serta mereka yang bekerja secara harian telah merebut peluang pekerjaan berkenaan. Sebanyak 70 peratus daripada perniagaan Santan adalah membabitkan perkhidmatan penghantaran, manakala selebihnya untuk dibawa pulang.
3. Lembaga Tabung Haji (TH) akan melaksanakan inisiatif pengecualian bayaran sewa selama dua bulan kepada peniaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas. Pengecualian bayaran sewa ini diberikan kepada kira-kira 170 PKS yang menyewa di 60 premis bangunan milik TH di seluruh negara. Perniagaan dan penyewa yang diberikan pengecualian bayaran sewa adalah seperti kedai menjual pakaian, elektrik dan elektronik, syarikat konsultasi, telekomunikasi, ejen pelancongan, perniagaan runcit, percetakan dan syarikat penyelenggaraan dan pembaikan.
4. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyatakan adalah menjadi satu kesilapan untuk membenarkan perniagaan tidak penting beroperasi dalam tempoh PKP walaupun telah menjaskan ekonomi dan pekerja. MTUC melahirkan kebimbangan berkaitan risiko kesihatan kepada rakyat berbanding kebenaran perniagaan tidak penting untuk beroperasi oleh kerajaan. MTUC juga menyambut baik saranan Perdana Menteri untuk tidak membenarkan operasi salun rambut, kedai gunting rambut dan kedai-kedai optik semasa tempoh PKP.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan berdasarkan SGT ST4 2019:
  - i) Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar (52.5%) daripada 8.5 juta jumlah jawatan diisi. Sementara itu, sektor Pembinaan menyumbang 15.5 peratus manakala sektor Pertanian sebanyak 5.4 peratus.
  - ii) Komposisi terbesar pekerja mengikut kemahiran di sektor Perkhidmatan (4.4 juta jawatan diisi) adalah kategori separuh mahir yang merangkumi 46.9 peratus. Ini diikuti mahir sebanyak 33.0 peratus manakala berkemahiran rendah sebanyak 20.1 peratus.
  - iii) Sektor Pertanian mempunyai 459 ribu jawatan diisi di mana 88.6 peratus disumbangkan oleh kategori separuh mahir. Kategori mahir

- dan berkemahiran rendah masing-masing menyumbang 6.0 dan 5.4 peratus.
- iv) Sebanyak 1.3 juta jawatan diisi di sektor Pembinaan dengan 85 peratus disumbangkan oleh kategori separuh mahir, diikuti kategori mahir (11.5%) dan berkemahiran rendah (3.5%).

2. Berikut adalah kategori pekerjaan berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013:

Bil	Pekerjaan	Kategori
1	Pengurus	Mahir
2	Profesional	
3	Juruteknik dan Profesional Bersekutu	
4	Pekerja Sokongan Perkeranian	Separuh Mahir
5	Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	
6	Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan	
7	Pekerja Kemahiran dan Pekerja Petukangan yang berkaitan	
8	Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang	
9	Pekerja Asas	Berkemahiran rendah

3. Statistik pekerja berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2019 adalah seperti berikut\*\*:

- i) Makanan & minuman dan penginapan: 1,694 ribu orang (11.1%)
- ii) Pengangkutan dan penyimpanan: 554 ribu orang (3.6%)
- iii) Pembinaan: 1,493 ribu orang (9.8%)
- iv) Perdagangan borong dan runcit: 2,514 ribu orang (16.5%)
- v) Perkhidmatan lain: 2,614 ribu orang (17.1%)

4. Statistik pekerja mengikut taraf pekerjaan bagi tahun 2018 berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh 2018 adalah seperti berikut\*\*:

- i) Majikan: 547.2 ribu orang (3.7%)
- ii) Pekerja: 10,700.4 ribu orang (72.4%)
- iii) Bekerja sendiri: 2,859.2 ribu orang (19.4%)
- iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 669.1 ribu orang (4.5%)

5. Berikut merupakan perangkaan utama mengikut saiz berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2016 (TR 2015) bagi Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS):

<b>Saiz</b>	<b>Bil. Pertubuhan</b>	<b>Bil. Pekerja</b>	<b>Gaji &amp; Upah (RM Juta)</b>
Mikro	693,670	1,937,557	25,495
Kecil	192,783	2,351,712	61,533
Sederhana	20,612	1,363,291	41,430
Besar	13,559	3,079,678	117,238
<b>Jumlah</b>	<b>920,624</b>	<b>8,732,238</b>	<b>245,696</b>

6. Definisi PKS yang digunakan adalah seperti berikut:

<b>Sektor</b>	<b>Saiz PKS</b>	<b>Hasil Tahunan</b>	<b>Bilangan Pekerja Sepenuh Masa</b>
Pembuatan	Mikro	Kurang daripada RM300,000	Kurang daripada 5 pekerja
	Kecil	Antara RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta	Dari 5 hingga kurang daripada 75 pekerja
	Sederhana	Antara RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta	Dari 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja
Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembinaan dan Perkhidmatan	Mikro	Kurang daripada RM300,000	Kurang daripada 5 pekerja
	Kecil	Antara RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta	Dari 5 hingga kurang daripada 30 pekerja
	Sederhana	Antara RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta	Dari 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja

\*\*merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan.

## Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri



## Jadual 2: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negara

CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)					
Jumlah keseluruhan kes: Total cases: Dunia / Worldwide	Jumlah kematian keseluruhan: Total deaths: Dunia / Worldwide	Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Dunia / Worldwide	Negara yang terlibat: No. of countries involved:		
<b>1,925,981</b>	<b>119,823</b> [6.22%]	<b>458,767</b> [23.82%]	<b>184</b>		
<b>Jumlah kes sembuh:</b> Total recovered cases: Malaysia			<b>2,478</b> [49.69%]		
Negoro Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths	Negoro Country		
Amerika Syarikat	582,594	23,649	Ukraine	3,372	98
Sepanyol	170,099	17,756	Luxembourg	3,292	69
Itali	159,516	20,465	Belarus	3,281	33
Perancis	137,877	14,986	Qatar	3,231	7
Jerman	130,072	3,194	Republik Dominika	3,167	177
United Kingdom	89,571	11,347	Finland	3,064	59
China	83,303	3,345	Singapura	2,918	9
Iran	73,303	4,585	Colombia	2,852	112
Turki	61,049	1,296	Thailand	2,613	41
Belgium	30,589	3,903	Argentina	2,277	98
Belanda	26,712	2,833	Afrika Selatan	2,272	27
Switzerland	25,688	1,138	Mesir	2,190	164
Canada	25,680	780	Yunani	2,145	99
Brazil	23,723	1,355	Algeria	1,983	313
Rusia	21,102	170	Maghribi	1,763	126
Portugal	16,934	535	Moldova	1,712	36
Austria	14,102	384	Iceland	1,711	8
Israel	11,868	117	Croatia	1,650	25
Sweden	10,948	919	Hungary	1,512	122
Ireland	10,647	365	Iraq	1,378	78
Korea Selatan	10,564	222	Estonia	1,373	31
India	10,541	358	New Zealand	1,366	9
Peru	9,784	216	Bahrain	1,361	7
Jepun	7,645	143	Kuwait	1,300	2
Ecuador	7,529	355	Slovenia	1,212	55
Chile	7,525	82	Kazakhstan	1,179	14
Poland	7,049	251	Azerbaijan	1,148	12
Romania	6,633	332	Bosnia Herzegovina	1,077	39
Norway	6,605	134	Lithuania	1,070	24
Denmark	6,513	285	Armenia	1,067	16
Australia	6,494	61	Uzbekistan	1,054	4
Czechia	6,059	147	Makedonia Utara	854	38
Pakistan	5,716	96	Cameroon	848	12
Filipina	5,223	335	Slovakia	816	2
Mexico	5,014	332	Oman	813	4
<b>Malaysia</b>	<b>4,987</b>	<b>82</b>	Bangladesh	803	39
Arab Saudi	4,934	65	Cuba	726	21
Indonesia	4,557	399	Tunisia	726	34
UAE	4,521	25	Bulgaria	695	35
Serbia	4,054	85	Afghanistan	665	21
Panama	3,472	94	Cyprus	662	12
<i>(Dikemaskini pada 14 April 2020) (Updated at 14 April 2020)</i>					
<b>Bilangan negara di bawah 100 kes:</b> Countries with 100 cases and below:					
(1-20) 34 (21-40) 12 (41-60) 9 (61-80) 6 (81-100) 1					

Sumber: CPC Kebangsaan dan WHO

UKK MOH

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)